



BULETIN

JABATAN MATEMATIK, SAINS & KOMPUTER

EDISI 1/2021
JANUARI - DISEMBER 2021

BULETIN

JABATAN MATEMATIK,
SAINS & KOMPUTER

EDISI 1/2021
JANUARI - DISEMBER 2021



DITERBITKAN OLEH:
JABATAN MATEMATIK, SAINS & KOMPUTER
POLITEKNIK PORT DICKSON
[HTTP://WWW.POLIPD.EDU.MY](http://www.polipd.edu.my)

Jabatan Matematik, Sains & Komputer,
Politeknik Port Dickson
KM 14 Jalan Pantai, 71050 Si Rusa
Negeri Sembilan
No Tel : 06 – 6622000
No Faks : 06 – 662 2026
www.polipd.edu.my

Terbitan 2022

Hak cipta terpelihara.

Hak cipta eBuletin ini adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada penerbitan tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Politeknik Port Dickson.

Diterbitkan oleh :
Politeknik Port Dickson
KM 14 Jalan Pantai, 71050 Si Rusa
Negeri Sembilan

eISSN 2821-3386

SIDANG PENERBIT

PENAUNG

En. Mohamad Isa bin Azhari

PENASIHAT

Pn. Salmiah binti Husain
Pn. Fadhliana binti Mohamod
Pn. Noorain binti Ithnin

PENGURUS BAHAN


Pn. Suhana binti Ramli

PENULIS

Pensyarah JMSK, PPD

KETUA EDITOR

Pn. Suhana binti Ramli



PRAKATA

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera,
Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi - tinggi kesyukuran kehadiran Illahi kerana dengan izinNya Jabatan Matematik, Sains & Komputer, Politeknik Port Dickson buat julung-julung kalinya berjaya menghasilkan dan menerbitkan Buletin JMSK. Saya selaku ketua editor merakamkan ribuan terima kasih kepada Pn. Salmiah binti Husain (Ketua Jabatan Matematik, Sains & Komputer), Pn. Fadhliana binti Mohamod (Ketua Kursus Matematik) dan Pn. Noorain binti Ithnin (Ketua Kursus Sains) di atas sokongan dalam menghasilkan penerbitan Buletin JMSK Edisi 1 /2021.

Buletin ini merupakan wacana bagi mendedahkan tentang aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2021 di JMSK. Ianya juga memberi peluang kepada pensyarah-pensyarah JMSK yang berminat untuk menyumbang karya atau penulisan dalam pelbagai bentuk untuk diterbitkan.

Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada unit-unit di JMSK di atas komitmen dan kesungguhan dalam menjayakan penerbitan ini. Semoga segala idea dan sumbangan yang dicurahkan menjadi pendorong dan semangat kepada semua pensyarah untuk melaksanakan aktiviti - aktiviti bermanfaat dan juga menghasilkan karya yang memberi kebaikan kepada pembaca.

SUHANA BINTI RAMLI
KETUA EDITOR

SENARAI ISI KANDUNGAN

Muka Surat

Kandungan

1

KATA -KATA ALUAN KJMSK

2

MUTIARA KATA KK MATEMATIK & KK SAINS

3

AKTIVITI-AKTIVITI JAN - DIS 2021

16

SELOKA PANTUN

18

UJI MINDA ANDA

19

KAEDAH MENANGANI STRESS

20

INFO SIHAT



Kata - kata Auan KETUA JABATAN MATEMATIK, SAINS & KOMPUTER



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

Terlebih dahulu saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Ketua Editor dan sidang redaksi Buletin Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) atas kejayaan menerbitkan Buletin Jabatan yang istimewa ini buat pertama kalinya. Terima kasih kerana memberi kesempatan untuk saya mencoretkan sepetah dua kata dalam Buletin ini. Sesungguhnya, penerbitan Buletin ini mencerminkan kesungguhan warga JMSK dalam menggembleng tenaga untuk menjayakan budaya kerja sepasukan.

Usaha murni ini merupakan satu saluran kepada warga JMSK untuk mempersembahkan hasil aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tahun 2021. Peluang seperti ini bukan sahaja dapat memperkembangkan profesionalisme, malah menghasilkan pensyarah yang mampu memberi sumbangan dalam bidang penulisan. Melalui Buletin ini, warga JMSK akan dapat menyumbang berita, buah fikiran, hasil kajian, analisis dan rumusan untuk dikongsi bersama seluruh warga Politeknik Malaysia dan khasnya kepada warga Politeknik Port Dickson (PPD). Matlamat ini selaras dengan transformasi pendidikan tinggi yang menuntut agar setiap warga di IPT membudayakan penulisan dan inovasi demi meningkatkan tahap profesionalisme.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua pihak yang telah berusaha menerbitkan Buletin JMSK 2021. Semoga usaha murni ini akan berterusan sehingga menjadi budaya dalam kalangan warga JMSK PPD.

Selamat Maju Jaya.

' WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030'

' JMSK EFEKTIF , PPD PRODUKTIF'

Salmiah Binti Husain
Ketua Jabatan
Jabatan Matematik, Sains Dan Komputer
Politeknik Port Dickson

Mutiara kata dari
KETUA-KETUA KURSUS JMSK



FADHLIANA BINTI MOHAMOD
KETUA KURSUS MATEMATIK

"Open your eyes every morning with gratitude to Allah and appreciate yourself.

It ok to be tired, stress and sad, but never give up on your life. Just take a break and rest. Then move on to the next step. Allah will always be with you along the journey"



NOORAIN BINTI ITHNIN
KETUA KURSUS SAINS

"The comfort zone is your worst opponent..

*See what lies ahead with a broad and enthusiastic perspective..
Accept the challenges, and keep moving..
Believe that Allah will always be with you.."*

PENDAFTARAN KURSUS MELALUI eCMR 4

Anjuran : Jawatankuasa Pendaftaran Kursus, JMSK



PENDAFTARAN KURSUS JMSK SESI DIS 2020

Tempoh pendaftaran dari 26/2/2021 hingga 5/3/2021

Pendaftaran melalui Sistem eCMR di laman sesawang sites.google.com/view/ecmr2021

Semua pelajar JKA / JKM / JKE diwajibkan mendaftar kursus JMSK




PENDAFTARAN KURSUS JMSK SESI 1:2021/2022

Bermula dari 20/9/2021 hingga 27/9/2021

Pendaftaran melalui Sistem eCMR di laman sesawang <https://sites.google.com/view/ecmr5>


Semua pelajar JKA / JKE / JKM wajib mendaftar kursus JMSK

Pendaftaran kursus di JMSK telah dijalankan secara dalam talian (*online*) dengan menggunakan Sistem Pendaftaran Kursus, eCMR 4 yang dibangunkan secara *in-house*. Sistem eCMR 4 merupakan sistem yang menggunakan kemudahan platform Google Sites, Google Sheets yang digabungkan dengan aplikasi-aplikasi sosial media WhatsApp, Telegram dan Signal.




Panduan Pendaftaran


Langkah 1
Pastikan anda telah memasang perisian WhatsApp, Telegram dan Signal



Langkah 2
Pastikan anda mempunyai akaun Gmail



Langkah 3
Klik "MASUK" pada laman utama



KLIK "MASUK"

eCMR 4

Tarikh : Sesi Dis 2020 & Sesi 1 2021/2022

Sistem eCMR, Jabatan Matematik, Sains Dan Komputer yang telah bermula pada tahun 2018 merupakan satu-satunya hasil inovasi KIK yang masih digunakan sehingga hari ini bagi tujuan pendaftaran kursus-kursus yang ditawarkan di JMSK, Politeknik Port Dickson.

Dalam Sistem eCMR Edisi 4 kali ini, beberapa inovasi baharu telah diperkenalkan. Peningkatan dari segi kepelbagaian platform media sosial, perantaramuka mesra pengguna dan penstriman data telah menampakkan hasil yang memberangsangkan. Melalui eCMR 4 ianya telah berjaya membantu pelajar-pelajar untuk melengkapkan rekod pendaftaran kursus.



Pendaftaran Kursus
Jabatan Matematik, Sains Dan Komputer
Sesi 1: 2021/2022


COVID-19 eCMR

Catatan dengan teladan pelajar yang ditunjukkan aplikasi WhatsApp. Pendaftaran bermula pada 20/9/2021, jam 8 pagi.

Pelajar Baharu Pelajar Senior Pelajar UlangKursus/Drop

UJIAN DIAGNOSTIK MATEMATIK 1

Anjuran : Unit Matematik JMSK



PERJALANAN PROGRAM

Tarikh : 12 Mac 2021

Ujian ini dijalankan secara serentak yang melibatkan semua pelajar Semester 1 seramai 437 orang. Waktu yang ditetapkan adalah di antara jam 3.00 petang hingga ke 11.00 malam. Semua pensyarah kursus diberi kod untuk pelajar mengambil ujian tersebut secara dalam talian menggunakan platform quizzizz.com mengikut jabatan (JKA, JKM dan JKE). Pensyarah kursus akan memantau proses ujian yang dijalankan untuk membantu pelajar yang bermasalah terutama berkaitan isu internet.


Setelah ujian selesai dilaksanakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan, keputusan akan dimuatturun oleh AJK Ujian Diagnostik untuk di analisa. Hasil analisa keputusan ujian diagnostik akan menentukan pelajar yang akan mengikuti bengkel pemulihan Matematik yang akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Bengkel Matematik 1.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya dilaksanakan dengan komitmen yang tinggi di kalangan pensyarah kursus dan pelajar walaupun menghadapi kekangan trafik dalam talian. Melalui ujian diagnostik ini telah memberikan pemahaman kepada mereka untuk lebih bersedia dalam menghadapi kursus matematik di peringkat Diploma sepanjang pengajian mereka. Ujian ini juga akan memberikan maklumat kepada pelajar sendiri samada mereka efisien atau lemah di dalam Matematik sebagai persediaan mental sepanjang pengajian mereka.

Objektif

Ujian ini dilaksanakan bertujuan untuk:

- Pensyarah dapat mengenal pasti pelajar semester 1 yang lemah asas Matematik peringkat menengah melalui ujian diagnostik (Asas algebra dan Asas Trigonometri).
- Membantu pensyarah berbincang, menjana idea dan membangunkan modul aktiviti yang sesuai untuk membantu pelajar lemah yang dikumpulkan dari keputusan ujian diagnostik.



GOTONG ROYONG EKSA ZON JMSK&ICT SIRI 1

Anjuran : Unit EKSA JMSK & ICT

02.04.2021

Gotong Royong

SIRI 1

Objektif

- Membudayakan EKSA di Zon JMSK & ICT
- Meningkatkan semangat kerjasama yang padu antara warga politeknik dalam membudayakan EKSA di PPD

SISIH



SUSUN




SAPU



PERJALANAN PROGRAM

Tarikh : 02 April 2021


Gotong royong EKSA Zon JMSK & ICT Siri 1 telah berlangsung selama satu (1) hari yang melibatkan semua staf JMSK dan ICT. Gotong royong ini diketua oleh Pn. Suhana binti Ramli yang merupakan Ketua Zon Eksa JMSK & ICT bagi tahun 2021 dan dibantu oleh pegawai yang dipertanggungjawabkan (PIC) bagi setiap zon untuk pemantauan.



SEBELUM



SELEPAS



BENGGKEL PEMULIHAN MATEMATIK

Anjuran : Unit Matematik




Objektif



Program ini dianjurkan bertujuan untuk:

- Membantu pensyarah berbincang, menjana idea dan membangunkan modul aktiviti yang sesuai untuk membantu pelajar lemah yang dikumpulkan dari keputusan ujian diagnostik.
- Melaksanakan aktiviti yang telah ditetapkan sebagai usaha meningkatkan kefahaman dan kemahiran pelajar dalam menyelesaikan masalah matematik.
- Melihat semula keberkesanan aktiviti yang dilakukan sama ada ia dapat meningkatkan kefahaman dan kemahiran pelajar atau memerlukan langkah penambahbaikan melalui kajian tindakan.



PERJALANAN PROGRAM

Tarikh : 25 April – 21 Mei 2021

Bengkel ini telah dikendalikan oleh pensyarah JMSK yang dilantik sebagai urusetia dan fasilitator. Semua pelajar semester 1 yang telah mengambil ujian PreDiagnostik Matematik telah ditapis untuk mendapatkan sasaran pelajar yang akan menghadiri Bengkel Pemulihan Matematik. Dalam bengkel ini, pelajar didedahkan dengan nota bertulis dan video secara dalam talian berkaitan Fraction, Conversion of formulas, Linear Equations, Quadratic Equations dan Basic of Trigonometry.

Fasilitator bertindak sebagai pemudahcara dan menunjuk ajar sepanjang aktiviti dijalankan. Peserta juga diberikan soalan yang berkaitan dengan topik Algebra dan Basic of Trigonometry. Konsep bengkel ini dijalankan adalah dengan kaedah mewujudkan suasana menarik minat pelajar untuk pembelajaran secara dalam talian.

Perjumpaan fasilitator dengan pelajar dijalankan secara dalam talian menggunakan perisian MS Teams, Google Meet dan Zoom sebanyak 3 kali iaitu:

- 30 Apr 2021, 2:30pm – 4:30pm (sesi 1)
- 10 Mei 2021, 2:30pm – 4:30pm (sesi 2)
- 21 Mei 2021, 2:30pm – 4:30 pm (sesi 3)

PROGRAM BUBUR LAMBUK JABATAN MATEMATIK SAINS DAN KOMPUTER

Anjuran : Unit Kebajikan JMSK

PERJALANAN PROGRAM

Tarikh : 30 April 2021

Program ini telah dijalankan secara gotong royong sesama staf JMSK bertujuan untuk memeriahkan lagi sambutan Ramadan 2021. Selain itu, ia juga dapat memupuk semangat kerjasama, mengeratkan silaturahim dan juga saling berkongsi rezeki. Bubur lambuk telah diagihkan bukan sahaja kepada staf JMSK tetapi juga kepada staf di unit ICT.



TIKTOK CHALLENGE DBS10012

Anjuran : Unit Sains JMSK

Objektif

- Mengaplikasi pengetahuan konsep asas fizik ke dalam video yang dihasilkan sebagai salah satu perantara mod pembelajaran secara ODL (CLO1 - menggunakan konsep asas fizik untuk menyelesaikan masalah fizik kejuruteraan)
- Menggalakkan pembudayaan kreativiti untuk menyampaikan konsep asas kursus DBS10012 melalui media sosial.
- Mencapai KPI 9 untuk jabatan iaitu menjalankan aktiviti dan membuat hebahan melalui media sosial jabatan.

TikTok Challenge

- Upload video between 5-19 May 2021
- Video duration: Maximum 2 minutes
- Choose any sub-topics in DBS10012 Engineering Science course
- Tiktok account set to 'Public'
- Use #tiktokDBSPoliPD


#tiktokdbspolipd
#tiktokdbspolipd
#tiktokdbspolipd

PERJALANAN PROGRAM

Tarikh : 05 - 19 Mei 2021

Program 'TikTok Challenge' merupakan satu aktiviti dan pertandingan yang telah dijalankan oleh Unit Sains, Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK). TikTok dipilih kerana ia merupakan aplikasi media sosial terkini yang menawarkan fungsi penyuntingan video pendek interaktif di mana dapat mengasah bakat, kemahiran dan kreativiti pelajar dalam menyampaikan kandungannya. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan pembangunan modal insan dan menarik minat pelajar keseluruhannya terhadap Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Program ini berlangsung selama dua (2) minggu bermula 5 sehingga 19 Mei 2021. Penyertaannya dikalangan pelajar yang mengikuti kursus Engineering Science (DBS10012) sesi Disember 2020. Kandungan video TikTok adalah berdasarkan kepada topik-topik di dalam kursus DBS10012.



Video yang dihasilkan perlu disunting dan dimuatnaik ke dalam akaun TikTok pelajar sendiri dengan menggunakan tanda pagar (#)tiktokDBSPoliPD dan disertakan pautan di dalam borang yang telah disediakan. Penilaian dan penjurian berdasarkan kandungan yang disampaikan, kreativiti dan keupayaan menarik minat penonton.

PROBABILITY CHALLENGE: 'SOLVE IT WITH CORRECT STEPS'


Anjuran : Unit Matematik

Objektif



Program ini dianjurkan bertujuan untuk:

- menangani masalah pelajar yang lemah Matematik Kejuruteraan 3 (DBM3013, DBM30033 dan DBM30043)
- meningkatkan pencapaian CLO1
- meningkatkan pengetahuan pelajar menggunakan langkah kerja yang betul
- sebagai persediaan pelajar bagi menghadapi peperiksaan akhir



PERJALANAN PROGRAM

Tarikh : 18 Jun 2021

Probability Challenge: 'Solve It With Correct Steps' telah dijalankan dengan penglibatan seramai 164 orang peserta yang mendaftar kursus DBM3013, DBM30033 dan DBM30043.

Program ini dimulakan dengan ucapan aluan oleh Ketua Jabatan Matematik, Sains & Komputer, PPD. Penceramah jemputan iaitu Pn. Sharifah Noor Anita binti Syed Jaafar dari Politeknik Muadzam Shah telah dijemput sebagai penceramah bagi program ini. Bagi menguji keberkesanan program ini, ujian pra dan pasca telah dibuat ke atas semua peserta.




BENGGKEL PENULISAN KERTAS KERJA DAN LAPORAN AKTIVITI

Anjuran : Kelab MathsComp

Objektif

Program ini dianjurkan bertujuan untuk:

- memberi pendedahan kepada peserta tentang format kertas kerja dan kertas laporan yang seragam
- memberi pengetahuan tentang elemen laras bahasa yang sewajarnya digunakan
- memberi kemahiran menyedia dan menyiapkan dokumen dengan mudah dan cepat




PERJALANAN PROGRAM

Tarikh : 19 Jun 2021

Bengkel Penulisan Kertas Kerja Dan Laporan Aktiviti merupakan program yang julung-julung kalinya dianjurkan oleh Kelab MathsComp di mana penyertaannya adalah terbuka kepada semua ahli kelab yang berdaftar di Politeknik Port Dickson. Puan Syafarizan binti Nasaroddin telah dilantik sebagai penceramah dan dibantu oleh Puan Suhana binti Ramli sebagai fasilitator bagi menjayakan program ini.

Bengkel ini telah berlangsung selama setengah hari bermula jam 10.00pagi sehingga jam 1.00 petang. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah Latihan Dalam Kumpulan (LDK) di mana setiap kumpulan terdiri daripada 6 - 10 orang. Peserta dikehendaki merancang satu(1) aktiviti yang tidak memerlukan peruntukan kewangan tetapi mestilah memberikan impak yang baik. Pada akhir sesi bengkel ini, setiap kumpulan telah berjaya menghasilkan kertas kerja dan membentangkannya mengikut kumpulan masing-masing.



BENGGKEL SUNTINGAN VIDEO ADOBE PREMIER PRO

Anjuran : Kelab MathsComp

BENGGKEL

SUNTINGAN VIDEO

ADOBE PREMIERE PRO

28 Ogos 2021 9.00 - 11.30 pagi

Anjuran :


Tuan/puan dinasihatkan untuk install perisian Adobe Premiere Pro di PC/laptop sebelum menyertai bengkel. Perisian boleh di install di <https://bit.ly/PerisianAdobePremierePro>

mat datang kepada semua peserta Bengkel Suntingan Video Menggunakan Adobe Premiere Pro anjuran

Objektif

Program ini dianjurkan bertujuan untuk:

- Mempelajari asas-asas penyuntingan video
- Mempelajari pelbagai resolusi dan aliran kerja penyuntingan dan teknik-teknik penyuntingan video



PERJALANAN PROGRAM

Tarikh : 28 Ogos 2021

Bengkel Suntingan Video Adobe Premiere Pro merupakan aktiviti yang dirancang dan dikendalikan oleh ahli-ahli Kelab MathsComp yang dibimbing oleh penasihat kelab iaitu Pn. Suhana binti Ramli dan Pn. Syafarizan binti Nasroddin. Program ini terbuka kepada pelajar/ staf Politeknik Port Dickson dan juga peserta dari institusi luar dan komuniti.

Tentatif program ini dimulakan dengan bacaan doa diikuti dengan sesi bengkel yang dikendalikan oleh penceramah jemputan iaitu Muhammad Azfar Fadhullah bin Ahmad Salihin, Pengerusi Kelab Multimedia Politeknik Port Dickson. Program dijalankan melalui platform MsTeam dan youtube live.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya dilaksanakan dengan lancar dan mendapat penyertaan yang menggalakkan iaitu seramai 246 peserta terlibat yang terdiri daripada pelajar, pensyarah Politeknik serta guru sekolah sekitar PPD dan pensyarah dari lain-lain institusi pengajian tinggi.


PROGRAM PRIHATIN EHSAN DBM20023

Anjuran : Unit Matematik

Objektif

Program ini dianjurkan bertujuan untuk:

- memastikan para pelajar yang lemah dibantu sepenuhnya untuk menguasai CLO1.
- memastikan para pensyarah dapat mengenalpasti pelajar lemah dan membimbing mereka dengan lebih berfokus.
- memastikan pelajar menadapat skor markah tinggi yang mendorong kepada peningkatan pencapaian CLO1.



PERJALANAN PROGRAM

Tarikh : Sepanjang Sesi 1 2021/2022

Program Prihatin Ehsan DBM20023 merupakan bengkel persediaan ujian dan juga peperiksaan akhir yang melibatkan pelajar-pelajar semester 2 yang mendaftar kursus DBM20023. Ianya telah dijalankan sepanjang sesi 1 2021/2022 secara dalam talian dengan En. A. Azman bin Ahmad sebagai penceramah yang membimbing peserta sepanjang program berlangsung.

Para peserta program telah didedahkan dengan soalan-soalan peperiksaan akhir sesi-sesi yang lepas yang merangkumi keseluruhan topik DBM20023.

Secara keseluruhannya, program ini berjalan lancar dengan kerjasama pensyarah dan juga pelajar terlibat.

Persediaan Ujian DBM2

2021-12-11 12:01 UTC

Recorded by MUHAMMAD DANIAL BIN MAHBOT

Organized by A. Azman Ahmad

Channel General

ONLINE TUITION DBS10012

Anjuran : Unit Sains

Objektif

Program ini dianjurkan bertujuan untuk:

- membantu dan membimbing pelajar dalam meningkatkan kefahaman topik yang telah dipelajari di dalam kelas.
- mengurangkan peratus kegagalan pelajar bagi kursus Sains Kejuruteraan (DBS10012).



PERJALANAN PROGRAM

Tarikh : Sepanjang Sesi 1 2021/2022

Program *Online Tuition* telah dijalankan sebanyak tiga(3) siri iaitu topik *FORCE* pada siri 1, topik *Work, Energy & Power* pada siri 2 manakala pada siri 3 pula merangkumi topik *Linear Motion*. Peserta bagi program ini adalah pelajar-pelajar terpilih berdasarkan prestasi pembelajaran dalam kursus DBS10012.

Program ini telah dijalankan secara dalam talian menggunakan MsTeams di mana penceramah dan fasilitator terdiri daripada pensyarah-pensyarah yang mengajar kursus DBS10012. Peserta akan diberikan handout pada setiap siri dan kefahaman peserta diuji melalui kuiz yang dijalankan menggunakan aplikasi Quizizz.



CANVA : RAKAN GRAFIK PELAJAR

Anjuran : Unit STEM & JSKK

Objektif

Program ini dianjurkan bertujuan untuk:

- memberi pendedahan kepada peserta tentang teknik asas grafik menggunakan Canva.
- memberi pendedahan kepada peserta tentang merekabentuk poster/slide ilmiah menggunakan Canva bagi tujuan persembahan(Presentation).
- mengaplikasi pengetahuan yang dikongsikan dengan menghasilkan poster bagi tujuan pertandingan serta yang berbentuk ilmiah.
- mencungkil bakat dan membangunkan potensi individu dalam bidang grafik.
- memupuk sikap kerjasama antara pelajar dalam mengelola sesebuah aktiviti.



PERJALANAN PROGRAM

Tarikh : 10 November 2021

Program Canva : Rakan Grafik Pelajar telah dijalankan secara dalam talian melalui saluran YouTube . Ianya terbuka semua pelajar semester 1 Politeknik Port Dickson. Penceramah jemputan iaitu En. Mohd Yusof bin Yaakob, Pensyarah Kolej Komuniti Beaufort telah berkongsi pelbagai teknik dalam penggunaan aplikasi Canva.

PERTANDINGAN POSTER DIGITAL

Anjuran : Unit STEM & JSKK

Objektif

Program ini dianjurkan bertujuan untuk:

- membolehkan pelajar mengaplikasikan kemahiran dan ilmu dari Bengkel Canva : Rakan Grafik Pelajar
- menonjolkan bakat dan kreativiti pelajar

PERJALANAN PROGRAM


Tarikh : 10 - 17 November 2021

Penyertaan pertandingan ini adalah terbuka kepada semua pelajar yg mengikuti bengkel Canva: Rakan Grafik Pelajar sahaja. Ianya selari dengan objektif program iaitu untuk membolehkan pelajar mengaplikasikan ilmu yang telah dipelajari sebelum ini.

Penyertaan pertandingan ini adalah secara individu di mana para peserta diberikan tempoh dari 10 - 12 November 2021 untuk menghantar penyertaan.

Tema bagi pertandingan ini ialah topik 'Force' bagi kursus Sains Kejuruteraan dan tema Pengenalan bagi kursus Ko-kurikulum Badan Beruniform atau Sukan. Untuk menyertai pertandingan ini pelajar dikehendaki untuk mengisi borang secara dalam talian dan memuat naik poster di borang tersebut untuk melancarkan lagi proses penjurian. Pemenang dinilai berdasarkan kandungan poster, kreativiti penyampaian dan keupayaan untuk menarik minat pembaca.

Proses penjurian telah dilakukan oleh Encik Mohd Yusof Yaakob iaitu penceramah jemputan bagi program Canva: Rakan Grafik Pelajar. Pemenang telah diumumkan melalui Facebook Page Jabatan Matematik, Sains & Komputer PPD pada 17 November 2021



SELOKA PANTUN

“

Mudik ke hulu menjinak belut,
Menyerah kelisa hati melebar,
Menuai ilmu setelah menuntut,
Menuai jaya setelah ikhtiar.

-*Ruhana*-

”

“

-*Suhana*-

Merenung bintang mencari idea,
Befikir-fikir jemuanya tidak,
Apa gunanya kekayaan di dunia,
Jika muflis di akhirat kelak.

”

“

Bunga matahari si bunga tanjung,
Tumbuh di tepi laluan paya,
Ilmu dicari adab dijunjung,
Itulah resepi orang berjaya.

-*Noorazlina*-

”

SELOKA PANTUN

“

Minyak gaharu minyak gamat,
Buat berubat untuk tetamu,
Adat berguru perlulah hormat,
Barulah berkat segala ilmu.

-*Noorazlina*-

”

“

Mencari makan di kedai Mak Leha,
Dijamu pula dengan buah naga,
Raihlah sesuatu dengan usaha,
Berkat rezeki untuk keluarga.

-*Noorain*-

”

“



Warga JMSK suka makan-makan,
Makan bersama di foyer jabatan,
Pengorbanan dan tentangan tidak
dapat dipisahkan,
Pahit dan manis mencapai
kejayaan.

-*Noorain*-

”

UJI MINDA ANDA

Sila jawab dengan tenang




Melintang


2. Aktiviti yang terlibat dalam Le Tour De Langkawi
4. Mark Zuckerberg merupakan pengasas kepada aplikasi...
5. Bulan di mana umat Muslim biasanya melaksanakan ibadah Haji
7. Penjajah pertama Malaysia
9. Video dihasilkan Sugu Pavithra
10. Labu sayong berasal dari negeri...

Menegak

1. Unit mengukur kekuatan gempa bumi
3. Maksud peribahasa bagai aur dengan tebing
6. Satelit pertama
8. Zhang Yiming merupakan pengasas kepada aplikasi...



KAEDAH MENANGANI STRESS -PENYELESAIAN JANGKA PENDEK-



INFO SIHAT

KALORI

ialah unit ukuran tenaga yang diperlukan tubuh badan

Umumnya, jumlah kalori yang diperlukan ialah berdasarkan jantina :

Lelaki : 2000 – 2500 kcal sehari

Perempuan : 1600 – 2000 kcal sehari

Kalori bukan sahaja datang dari karbohidrat, malah ia juga datang dari pengambilan protein dan lemak.



BMI (Body Mass Index)

ialah penunjuk berkenaan jumlah lemak tubuh badan seseorang individu

KALKULATOR BMI
IMBAS DI SINI



Status	BMI (kg/m ²)
Kurus	Kurang 20.6
Normal	20.7 - 26.4
Gemuk	26.5 - 30.9
Obesiti	31.0 - 45.2
Bahaya	Lebih 45.3

**JABATAN MATEMATIK, SAINS & KOMPUTER
POLITEKNIK PORT DICKSON**



Jabatan Matematik, Sains & Komputer PPD

eISSN 2821-3386



9 772821338006